



Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission

NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM BIDAAN TERBUKA SISTEM PENSTORAN TENAGA (BATTERY ENERGY STORAGE SYSTEM) 400MW/1,600MWj DI SEMENANJUNG MALAYSIA

***REQUEST FOR QUALIFICATION* BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN**

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) akan melancarkan program bidaan terbuka untuk perolehan kapasiti Sistem Penstoran Tenaga (BESS) melalui proses *Request for Qualification* (RFQ). Proses RFQ ini merupakan saringan peringkat awal bertujuan mendapatkan maklumat kelayakan syarikat atau konsortium yang berminat. Hanya pihak yang memenuhi kriteria kelayakan akan disenarai pendek untuk menyertai peringkat seterusnya iaitu *Request for Proposal*. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menyokong peralihan tenaga dan mencapai sasaran peningkatan penggunaan sumber Tenaga Boleh Baharu kepada 70% menjelang tahun 2050.

Program bidaan terbuka BESS dengan kapasiti 100MW/400MWj bagi setiap projek dijadualkan untuk mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2026. Jumlah kapasiti keseluruhan yang akan diperoleh adalah sebanyak 400MW/1,600MWj.

Sehubungan itu, ST ingin mempelawa syarikat atau konsortium yang berpengalaman dalam melaksanakan projek berkaitan penjanaan tenaga, serta mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan untuk membangunkan, membiayai, dan mengoperasikan sistem penstoran tenaga bagi menyertai program ini.

Dokumen RFQ akan dijual mulai dari **29 November 2024 jam 9.00 pagi sehingga 13 Disember 2024 jam 5.00 petang** secara dalam talian melalui laman sesawang ST iaitu www.st.gov.my. Harga setiap dokumen RFQ adalah **RM3,000.00**. Serahan dokumen RFQ yang lengkap adalah **selewat-lewatnya pada 12 Februari 2025 jam 5.00 petang**. Mekanisme penyerahan dokumen RFQ akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

www.st.gov.my
bess@st.gov.my